



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI PENYELIDIK (B.2 EB.3)  
JABATANARAH DASAR PERTAHANAN  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PENYELIDIK  
JABATANARAH DASAR PERTAHANAN  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang-bidang seperti berikut atau bidang bersesuaian:
  - Dasar Awam
  - *International Politics and Security Studies*
  - *International Relations*
  - Politik
  - *Strategic Studies*
  - Undang-Undang

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. Berpengalaman dalam kerja-kerja penyelidikan dan menyediakan kertas kerja adalah kelebihan.
3. Mengetahui hal ehwal semasa khusus dalam bidang politik, hubungan antarabangsa dan dasar-dasar Kerajaan termasuk pertahanan dan ketenteraan adalah kelebihan.
4. Berkebolehan dalam menggunakan dan mengendalikan sistem komputer adalah kelebihan.



## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membuat penyelidikan dan analisis mengenai isu-isu semasa yang berhubungkait dengan dasar pertahanan, ketenteraan, politik, ekonomi, sosial dan teknologi sama ada di dalam ataupun luar negara termasuk yang berhubung kait dengan perkembangan dalam ASEAN dan persatuan / pertubuhan antarabangsa;
2. Menghadapkan dan memberi pandangan serta analisis melalui penyediaan laporan ke atas perkara-perkara dan isu-isu semasa yang berbangkit di dalam dan luar negara;
3. Menghadiri mesyuarat / seminar / persidangan di dalam dan luar negara apabila diarahkan;
4. Mengendalikan mesyuarat pertahanan dua hala antara negara apabila diperlukan;
5. Memberikan taklimat-taklimat berkaitan dasar pertahanan kepada pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) apabila diarahkan dan diperlukan;
6. Membantu Pegawai Penyelidik Kanan dalam memastikan bahawa pentadbiran, tugas-tugas dan tanggungjawab Bahagian Penyelidikan berjalan dengan lancar, teratur dan berkesan;
7. Membuat tugas-tugas lain berkaitan penyelidikan yang diarahkan oleh pegawai-pegawai atasan dari semasa ke semasa.